

Kereta Nissan Almera dipandu laju rempuh kumpulan anak muda sedang main basikal

8 remaja maut pada pukul 3 pagi

JOHOR BAHRU – Keseronokan sekumpulan 40 remaja bermain basikal di bandar raya ini bertukar menjadi mimpi ngeri apabila lapan daripada mereka terbunuh selepas dilanggar sebuah kereta jenis Nissan Almera di Jalan Lingkar Dalam di sini pada pukul 3 pagi semalam.

Dalam kejadian yang berlaku berdekatan kawasan Tanah Perkuburan Islam Mahmoodiah, enam mangsa maut di tempat kejadian manakala dua lagi meninggal dunia ketika dalam perjalanan untuk menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.

Mangsa yang meninggal dunia ialah Muhammad Firdaus Danish M. Azahar, 16; Mohammad Azrie Danish Zulkefli, 14; Haizad Kasrin, 16; Muhammad Shahrul Nizam Maruddin, 14; Fauzan Halmijah, 13; Muhamad Shahrul Izzwan Azzuraimee, 14; Mohamad Azhar Amir, 16, dan Muhammad Harith Iskandar Abdullah, 14.

Lapan lagi mangsa dikejarkan ke HSA untuk mendapatkan rawatan kerana cedera ringan manakala dua daripadanya kritikal.

Ketika kejadian, mayat-mayat mangsa bergelimpangan di atas jalan dan ada yang terperosok di bawah kereta.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, sebelum kejadian, sekumpulan 30 hingga 40 orang remaja berusia antara 13 hingga 19 tahun sedang berkumpul berhampiran tanah perkuburan itu dipercayai untuk berlumba sesama mereka.

“Namun, tiba-tiba kereta Nissan Almera yang dipandu seorang wanita berusia 22 tahun dari arah Taman Pelangi menuju ke Jalan Skudai gagal mengawal kenderaannya sebelum terbabas dan merem-



MAYAT penunggang basikal ditutup dengan sehelai kain selepas dirempuh di Jalan Lingkar Dalam, Johor Bahru pada pukul 3 pagi semalam.



INILAH kereta Nissan Almera yang merempuh sekumpulan 40 remaja berbasikal.



puh kumpulan remaja itu,” katanya pada sidang akhbar di Jabatan Perubatan Forensik HSA di sini semalam.

Menurut Sulaiman, siasatan awal mendapati pemandu wanita itu dipercayai gagal mengawal kenderaannya berikutan jalan terbabat menuruni bukit dan herselekeh sebelum merempuh kumpulan remaja berkenaan.

“Pemandu kenderaan hanya mengalami cedera ringan dan dia ditahan untuk membantu siasatan,” katanya yang memberitahu kes itu disiasat

mengikut Seksyen 14(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Beliau berkata, siasatan polis juga mendapati pemandu wanita itu tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Sementara itu, seorang mangsa, Muhammad Zufadli Yusri, 19, yang cedera mendakwa kereta yang merempuh mereka dipandu dengan laju sebelum melanggar kumpulan rakan-rakannya.

“Apabila tersedar, saya sudah terduduk dan berasa sakit pada kaki,” katanya di Wad

Barat 2, HSA di sini.

Katanya, sejurus selepas rempuhan itu, dia melihat beberapa rakannya terbaring di atas jalan dengan ada yang sudah tidak bergerak.

Dalam pada itu, ibu kepada Mohd. Azhar yang maut dalam kemalangan itu, Shabariah Yusof berkata, anaknya seorang yang pendiam dan rajin membantu abangnya berniaga puding di Kampung Senibong di sini.

Menurutnya, dia hanya mengetahui kejadian itu selepas diberitahu oleh kawan-kawan mengenai anak kelapan daripada 10 beradik itu terlibat dalam kemalangan tersebut.

Abang mangsa, Khainurizam, 33, berkata, dia sering menasihati adiknya agar tidak melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal.

“Saya sudah banyak kali larang. Kadang-kadang dia keluar rumah senyap-senyap, jadi bila ada apa-apa berlaku kita tahu pun daripada orang lain,” katanya.